

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN
ABDUL AZIZ [RAUB]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

- (a) apakah langkah yang diambil untuk mengatasi gangguan bekalan air di daerah Raub yang berlaku selang 2 hari; dan
- (b) berapakah peruntukan yang disediakan untuk daerah Raub untuk menggantikan paip air yang lama.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Gangguan bekalan air yang berlaku di daerah Raub berpunca daripada beberapa faktor iaitu:
 - (i) loji rawatan air terpaksa dihenti tugas akibat ketidakupayaan merawat air mentah kerana kekeruhan yang tinggi;
 - (ii) kejadian paip pecah disebabkan paip lama yang usang; dan
 - (iii) keadaan topografi daerah Raub yang berbukit menyebabkan tekanan di setengah kawasan adalah tinggi. Perkara ini menyebabkan kecenderungan untuk berlakunya kejadian paip pecah adalah tinggi.
2. Penyelesaian sementara yang diambil oleh pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) terhadap masalah gangguan bekalan air adalah dengan menghantar lori tangki ke kawasan-kawasan yang mengalami gangguan bekalan air. Bagi penyelesaian jangka masa panjang pula, PAIP sedang melaksanakan Projek Pemasangan

Paip Air Dari Loji Rawatan Air Sg. Bilut ke Tangki Air di Bandar Raub dan Projek Menaik Taraf Loji Air Sungai Kelo dan Muka Sauk yang dijangka siap pada tahun 2017.

Tuan Yang Dipertua,

3. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2.75 juta kepada PAIP bagi bekalan air Raub. Peruntukan tersebut merangkumi program penggantian paip usang terutamanya paip jenis *Asbestos Cement* (AC) kepada paip yang lebih tahan lasak di bawah Program Membaik Pulih Sistem Agihan. Penggantian paip air lama adalah sangat penting bagi mengelakkan kebocoran paip air yang akan menyumbang kepada kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) seterusnya menjejaskan bekalan air kepada pengguna.
